

16/02/2003

Gerakan minta NAM desak AS terima suara keamanan

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan berharap Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM) minggu depan membuat resolusi menggesa pemimpin negara maju yang mahu berperang supaya menerima kehendak gerakan keamanan dunia.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata, mereka yang kononnya kuasa besar dunia perlu ditekan supaya tidak mengambil tindakan ketenteraan terhadap mana-mana negara berdaulat secara bersendirian serta membelakangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Merujuk kepada ancaman perang Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq, beliau berkata PBB perlu diberikan kepercayaan untuk menyelesaikan isu senjata pemusnah secara aman, lebih-lebih lagi ketika pasukan pemeriksa senjatanya sedang menjalankan tugas di negara itu.

"Kami menyokong pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung peperangan (terhadap Iraq) dan berharap perkara itu akan dibawa ke persidangan NAM serta dijadikan resolusi," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Jawatankuasa Pusat Gerakan.

Kelmarin, Perdana Menteri berkata Malaysia tetap tidak bersetuju dan membantah serangan Amerika terhadap Iraq sekalipun tindakan ketenteraan itu direstui PBB.

Dr Lim berkata, Gerakan juga akan menggerak ahli pemudanya menyertai perhimpunan raksasa Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) di Stadium Nasional, Bukit Jalil, minggu depan sebagai sokongan kepada gerakan keamanan.

Katanya, Gerakan menyokong sebarang usaha untuk keamanan sejagat termasuk usaha memerangi keganasan antarabangsa dan sebarang bentuk ekstremisme.

"Hanya menerusi keamanan dan kestabilan dapat kita membangunkan dunia dan memerangi kemiskinan di negara membangun serta keganasan antarabangsa," katanya.

Mengenai pengharaman tanglung Kung Ming, Dr Lim berkata Gerakan menyokong keputusan polis mengharamkan permainan itu yang disifatkannya bukan budaya Malaysia.

Katanya, keputusan polis itu dibuat dengan mengambil kira faktor keselamatan, sama seperti pengharaman pembakaran mercun sebelum ini.

"Apabila polis membuat keputusan demi keselamatan orang ramai, kami menyokong keputusan itu," katanya.

Mengenai soal parti, Dr Lim berkata Gerakan akan menyusun semula cawangan dan bahagiannya di seluruh negara sejajar dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

"Semua cawangan parti juga diarah menumpukan usaha menambah keahlian baru serta mempersiapkan jentera pilihan raya bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.

Dr Lim berkata, Gerakan akan menyambut ulang tahun penubuhannya pada 25 Mei depan dan akan mengadakan majlis pecah tanah bagi pembinaan bangunan baru di sebelah bangunan ibu pejabat sekarang, sekali gus mewujudkan menara berkembar.

Katanya, bangunan setinggi 21 tingkat itu adalah sama seperti bangunan sekarang dengan kedua-duanya akan dihubungkan pada paras tiga.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, beliau akan membuat lawatan kerja ke India, Bangladesh dan Myanmar mulai esok bagi

menggalakkan eksport minyak kelapa sawit Malaysia.

Katanya, beliau akan menemui Menteri Kewangan India bagi memperbetulkan diskriminasi duti terhadap import minyak kelapa sawit berbanding import minyak kacang soya.

"Di Bangladesh dan Myanmar pula penekanannya ialah mengenai kredit pembelian minyak kelapa sawit dan bagaimana negara berkenaan dapat memanfaatkannya," katanya.